

11 JUN 2000

T.Kemang-Reaksi (Syed Razak)

KEMENANGAN BN MENANDAKAN KESTABILAN POLITIK NEGARA, KATA SYED RAZAK

ALOR SETAR, 11 Jun (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang menunjukkan kestabilan politik terus menjadi pilihan rakyat, kata Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Katanya, kemenangan itu juga bermakna rakyat begitu yakin dengan kemampuan kerajaan menangani kelembapan ekonomi sehingga berjaya memulihkannya ke tahap sekarang.

"Kedua-dua itu juga disebabkan faktor perpaduan dan kerjasama di antara anggota-anggota komponen parti memerintah, Barisan Nasional," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Amanah Saham Malaysia peringkat negeri di sini.

BN berjaya mempertahankan kerusi parlimen Teluk Kemang apabila calonnya S Sothinathan, 40, menang dengan majoriti 5,972 undi dalam pertandingan satu lawan satu dengan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ruslan Kassim, 41, semalam.

Sothinathan, yang kali pertama bertanding dalam pilihan raya memperolehi 24,500 undi manakala ketua penerangan Keadilan yang juga kecundang dalam pilihan raya umum lalu di Kuala Pilah, mendapat 18,528 undi.

Kata Syed Razak, rakyat sendiri telahpun dapat melihat perpaduan dalam Umno yang menunjangi BN pada pemilihan parti itu baru-baru ini, dengan tiada pertandingan untuk jawatan presiden dan timbalan presiden.

"Jadi kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masih diakui dan diterima rakyat," katanya lagi.

Walaupun, berbagai taktik digunakan oleh pembangkang bagi memenangi hati rakyat tetapi BN tetap menjadi pilihan mereka, katanya.

-- BERNAMA

MN zb